

Penyu lipas, karah diancam kepupusan

UM 25/12/23 ms 7



JABATAN Perikanan melepaskan anak penyu agar dan karah pada setiap tahun dalam usaha untuk memastikan penyu tersebut kekal membiak pada masa akan datang. - UTUSAN/PUQTRA HAIRRY ROSLI

Oleh Zaid Mohd. Noor
utusannews@mediamulia.com.my

KUALA TERENGGANU: Selepas penyu belimbing lenyap di perairan Terengganu, dua lagi spesies penyu kini didapati semakin pupus berdasarkan kepada jumlah pendaratan yang direkodkan di pantai Terengganu sejak tahun 2020.

Pengarah Jabatan Perikanan Terengganu, Ruzaidi Mamat berkata, pada masa ini, penyu lipas dan penyu karah dikhuatiri semakin kurang membiak seperti dialami penyu belimbing setelah hanya dikesan mendarat dan bertelur di pantai negeri ini pada tahun 2017.

Bagaimanapun katanya, satu lagi spesies iaitu penyu agar pula didapati masih banyak mendarat dan bertelur di pantai negeri ini.

“Penyu lipas didapati tidak mempunyai rekod pendaratan di negeri ini dari tahun 2020 hingga tahun ini dan perkembangan tersebut menunjukkan penyu tersebut semakin pupus,” katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di sini, baru-baru ini.

Dalam pada itu, katanya, pe-



RUZAIDI MAMAT

nyu karah mencatatkan hanya sebanyak 11 pendaratan iaitu sembilan di Pulau Redang dan dua ekor lagi Pulau Lang Tengah pada tahun ini.

Tambahnya, sebanyak 14 ekor penyu karah dikesan mendarat di Terengganu pada 2022, lapan ekor (2021) dan tujuh ekor (2020).⁺

Ruzaidi memberitahu, sebanyak 10,116 ekor penyu agar mendarat dan bertelur di negeri ini pada tahun ini berbanding 9,618 ekor (2022), 7,301 ekor (2021) dan 8,308 (2020).

“Jumlah penyu agar didapati menunjukkan peningkatan jumlah pendaratan dan diharapkan mencatat peningkatan selepas ini,” ujarnya.

Selain itu, menurut beliau, sebanyak 462,783 ekor anak penyu agar dilepaskan di perairan Terengganu pada tahun ini dalam usaha memastikan penyu agar terus membiak di perairan negeri ini.

Katanya, jumlah anak penyu agar yang dilepaskan pada tahun 2022 ialah 586,430 ekor dan selain itu, sebanyak 429,371 ekor (2021) dan 452,187 ekor (2020).

“Anak penyu karah turut dilepaskan pada tahun ini iaitu sebanyak 901 ekor, 1,105 (2022), 599 (2021) dan 290 (2020),” katanya.

Mingguan Malaysia semalam melaporkan zaman kegemilangan Rantau Abang di Dungun sebagai antara lokasi pendaratan penyu belimbing yang penting di dunia, kini dilihat mustahil berulang berikutan spesies tersebut telah lenyap dari perairan Terengganu. Pendaratan terakhir penyu belimbing yang pernah direkodkan di negeri ini ialah pada 2017.

Malah seorang pakar pemuliharaan penyu telah membuat analisis *trend* pendaratan dan meramalkan kepupusan spesies itu berlaku seawal tahun 2003.